



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KENYATAAN MEDIA AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

MAXIM DAN INDRIVE DILETAK DI BAWAH TEMPOH PEMANTAUAN SELAMA TIGA BULAN

KUALA LUMPUR, 23 Julai 2025 – Pada 24 April 2025, Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah mengeluarkan Notis Pembatalan Lesen Perniagaan Pengantaraan (LPP) kepada Aist Malaysia Sdn. Bhd. (MAXIM) dan ID Applications Sdn. Bhd. (INDRIVE) yang berkuatkuasa pada 24 Julai 2025.

Tindakan tersebut adalah susulan audit terhadap pemain-pemain utama pengendali e-hailing (EHO) yang mana didapati ketidakpatuhan oleh MAXIM dan INDRIVE, terutamanya dalam aspek keperluan Permit Kenderaan E-Hailing (EVP).

Berikutan tindakan tersebut, MAXIM dan INDRIVE telah membuat rayuan kepada Kementerian Pengangkutan. Kedua-dua EHO telah disyaratkan untuk mengambil tindakan pembetulan sebelum 24 Julai 2025 bagi kelangsungan perkhidmatan masing-masing.

Bagi memenuhi syarat ini, MAXIM dan INDRIVE telah menambah baik sistem pendaftaran untuk memastikan semua pemandu mempunyai EVP yang sah sebelum memulakan tugas. Sebagai langkah tambahan, MAXIM dan INDRIVE juga memberi akses data secara “*view only*” kepada APAD bagi memudahkan proses semakan silang di antara data syarikat dan data EVP di bawah pengurusan APAD.

Pada 11 Julai 2025, APAD telah melaksanakan semakan rawak ke atas pemandu INDRIVE dan MAXIM dan mendapati bahawa semua pemandu yang disemak telah mempunyai EVP yang sah berdasarkan semakan silang dengan data rekod APAD.

Berdasarkan hasil penelitian dan penilaian semasa oleh pihak APAD dan JPJ, langkah penambahbaikan dan komitmen yang ditunjukkan kedua-dua syarikat pengendali adalah memuaskan. Walaupun telah dibenarkan untuk terus beroperasi, kedua-dua syarikat pengendali ini masih perlu menjalani **tempoh pemantauan selama tiga (3) bulan** bermula 24 Julai 2025. Tindakan tegas sepertimana di bawah Seksyen 12A (5) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715] boleh dikenakan sekiranya mereka didapati gagal mematuhi mana-mana syarat perkhidmatan yang telah ditetapkan.

Bagi memastikan komitmen kedua-dua syarikat pengendali ini berterusan, wakil syarikat dikehendaki hadir ke Ibu Pejabat APAD setiap bulan sepanjang tempoh pemantauan. Bilangan kehadiran bulanan adalah tertakluk kepada keperluan APAD berdasarkan tahap pemantauan dan isu semasa. Sesi ini bertujuan untuk membolehkan APAD melaksanakan pemantauan secara '*real-time*', di mana semakan rawak terhadap pemandu dilakukan melalui aplikasi InDrive dan MAXIM

AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT
23 JULAI 2025

##TAMAT##

Tentang APAD:

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) merupakan agensi dibawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang berperanan dalam merancang program dan strategi berkaitan pengangkutan awam darat (rel dan jalanraya) bagi meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam dan barangan melalui pengawal seliaan aspek pelesenan.

Pertanyaan Media

Agensi Pengangkutan Awam Darat

Tel : +603 2603 6600 (Talian Umum)
+603 2603 6689 (Unit Komunikasi Korporat)
E-mail : ukk@apad.gov.my